

**Ruj kami : MBPJ/090100/T/A6/Jld 12 (75)**

**Tarikh : 11 April 2016**

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **MAJLIS PEMBUKAAN PEJABAT CAWANGAN PETALING JAYA UTARA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memulakan operasi secara rasmi pada 11 April 2016 (hari ini). Pembukaan pejabat cawangan ini diyakini dapat meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang lebih baik kepada warga Petaling Jaya.

Selain itu, cawangan ini dilihat sebagai pemangkin dalam menyebarkan luaskan peranan dan tanggungjawab MBPJ serta menaikkan semangat dan iltizam warga kerja MBPJ supaya menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan ikhlas serta penuh komitmen menerusi penterjemahan tugas berprestasi tinggi.

Dalam Mesyuarat Bajet 2016 lalu, Majlis telah memutuskan untuk membeli 4 Unit bangunan dengan jumlah keseluruhannya RM17.4 juta. Setiap bangunan memiliki 3 tingkat, kemudahan lif, letak kereta, surau, tandas serta kemudahan orang kelainan upaya(OKU). Keluasan bagi setiap bangunan adalah 4,650 kp dan keluasan tanah keseluruhan bangunan yang dibeli adalah 20,567 kp.

Kewajaran cawangan ini ditubuhkan juga berdasarkan lokasi Ibu Pejabat MBPJ yang agak jauh daripada penduduk di kawasan utara serta kesesakan lalu lintas menjadi kesulitan kepada penduduk disana. Diharapkan dengan adanya cawangan ini, ia mempermudah serta mempercepat urusan masyarakat dengan pihak Majlis.

Antara perkhidmatan yang ditempatkan di cawangan ini ialah:-

- I. Kaunter bayaran cukai taksiran, kompaun, lesen dan lain-lain bil
- II. Kaunter semakan kompaun
- III. Kaunter lesen perniagaan
- IV. Kaunter tempahan dewan dan gelanggang sukan.
- V. Kaunter pengurusan aduan
- VI. Kaunter ubahsuai kecil bangunan.

Pejabat cawangan ini merupakan yang pertama di Petaling Jaya dan orang ramai boleh berurusan di No.17, 19 Jalan PJU 8 /1D, PJU 5, Prestij Kota Damansara, 47310 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan atau dengan menghubungi **03-6143 7564 / 03-6143 7452 / 03-6143 6475 / 03-6143 4195 / 03-6143 5942** atau faks **03-6143 4564**.

Disediakan oleh :

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 206/208, Faks : 03-79582695. **Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya**